

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID (KOTA TINGGI)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status 'WANG TAK DITUNTUT(WTD)' dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

WTD adalah wang amanah dan Pendaftar WTD sebagai pemegang amanah akan menyimpan selamat wang tersebut mengikut peraturan kewangan berkuatkuasa sehingga ianya dituntut oleh empunya yang berhak. Sehingga **30 September 2017**, WTD dalam pegangan Pendaftar adalah sebanyak **RM5.8 bilion**.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai

langkah serta inisiatif seperti berikut:

- (i) Membuat hebahan/penerangan melalui media massa bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang hak dan tanggungjawab individu dan syarikat/firma ke atas WTD;
- (ii) Menambah bilangan kaunter semakan WTD daripada satu (1) kepada 26 kaunter di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) Membangunkan aplikasi semakan dalam talian yang dijangka boleh digunakan mulai tahun 2018.